

# Kementerian lancar buku, galeri interaktif, pangkalan data

**K**EMENTERIAN Sumber Asli dan Alam Sekitar baru-baru ini melancarkan tiga produk baharunya, sekali gus menterjemahkan komitmen Kementerian berkenaan bagi sistem pengurusan yang lebih baik.

Perasmian tersebut disempurnakan oleh Menteri, **Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar** di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur.

Dalam majlis tersebut Wan Junaidi merasmikan Galeri Interaktif NRE, melancarkan pangkalan data Malaysia Biodiversity Information System (MyBIS) dan buku *Birds of Malaysia - MyBIS*.

Penubuhan Galeri Interaktif NRE merupakan langkah permulaan bagi merealisasikan pembangunan fizikal pusat sejarah alam semula jadi (*Natural History Centre* atau NHC) yang akan menjadi pusat rujukan setempat dan pusat kecemerlangan untuk pengurusan flora, fauna dan alam semula jadi.

Sejarah alam semula jadi ialah kajian saintifik mengenai tumbuh-tumbuhan, haiwan dan alam semula jadi.

Tema pembangunan Galeri Interaktif NRE adalah *Safeguarding Our Natural*



**DR. WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR** ketika melancarkan Galeri Interaktif Pangkalan Data di Kuala Lumpur baru-baru ini.

*History* dan bertujuan untuk meningkatkan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam mengenai kepentingan memelihara, memulihara dan menjaga sejarah alam semula jadi atau *natural history*.

Galeri Interaktif NRE dibangunkan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang telah melibatkan kolaborasi antara jabatan dan agensi di bawah

kementerian.

Pembangunan galeri ini berlandaskan kepada perkongsian idea-idea kreatif dan inovatif, menggunakan sumber yang sedia ada, kos perbelanjaan yang minimum serta tempoh masa kurang daripada 10 bulan.

Galeri Interaktif NRE merangkumkan teknologi multimedia inovatif *Augmented Reality* (AR), kod *Quick Response*

(QR) dan hologram.

AR ialah integrasi maya ke dalam dunia sebenar pengguna; kod QR ialah sejenis kod bar dua dimensi (2D) yang berupaya menyimpan maklumat yang dihubungkan dengannya.

Aplikasi AR boleh dimuat turun ke telefon pintar atau peranti elektronik dari [www.mybis.gov.my/gi/apk](http://www.mybis.gov.my/gi/apk) dan aplikasi QR dari Google Play Store.

Hologram ialah imej

hologram tiga dimensi (3D) yang dihasilkan dengan menggunakan teknik fotografi yang merekodkan cahaya yang bertaburan daripada objek dan mempersembahnya dalam bentuk tiga dimensi.

Hologram galeri ini memberi impak dari segi ekonomi kerana menyerlahkan Taman Eko Rimba Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan berasaskan ekonomi, ekologi dan pengetahuan atau *eco2infotourism*.

*Eco2infotourism* ialah pelancongan yang dapat menjana pendapatan ekonomi yang signifikan kepada komuniti dan negara, dapat memelihara, memulihara dan menjaga sumber asli dan alam sekitar serta dapat meningkatkan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam mengenai kepentingan sumber asli dan alam sekitar.

MyBIS merupakan pangkalan data biodiversiti kebangsaan bagi memenuhi salah satu tanggungjawab negara bawah konvensyen antarabangsa iaitu Konvensyen Kepelbagaian Biodiversiti (CBD).

MyBIS memainkan peranan penting sebagai medium perkongsian maklumat dan pengetahuan serta

meningkatkan *the Science-Policy Interface*. MyBIS boleh diakses melalui [www.mybis.gov.my](http://www.mybis.gov.my).

Sehingga kini, pangkalan data ini mengandungi lebih daripada 150,000 data yang melibatkan kerjasama perkongsian data antara Kementerian dengan lebih daripada 20 buah jabatan dan agensi.

MyBIS telah dianugerahkan Hadiah Emas pada Konvensyen Kepelbagaian Biologi di Mexico pada Disember lalu.

Buku bertajuk *Birds of Malaysia - MyBIS* telah diterbitkan bagi mempromosikan MyBIS.

Buku ini telah menerima anugerah *50 Best Malaysian Titles for International Rights 2017/2018* oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia.

Sementara itu, menurut Wan Junaidi, usaha menubuhkan pusat sejarah alam semula jadi diperkukuh lagi supaya dapat mencapai salah satu matlamat Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan 2016-2025 (DKBK) yang diterajui Kementerian.

"DKBK merupakan *game changer* dalam merencanakan hala tuju baharu pengurusan kepelbagaian biologi di negara ini merentasi semua sektor sehingga tahun 2025," ujarnya.